

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WONG CHEN [SUBANG]**

**TARIKH : 7 DISEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN :**

**TUAN WONG CHEN [SUBANG]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah kemajuan terkini mengenai Pelan Tindakan Nasional Mengenai Perniagaan Dan Hak Asasi Manusia (NAPBHR) yang akan dilancarkan pada tahun 2023?

**JAWAPAN**

**YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, satu mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Pembangunan Pelan Tindakan Nasional Mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia (NAPBHR) yang dipengerusikan oleh YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang) telah diadakan pada 6 Julai 2021. Isu – isu yang telah dikenalpasti semasa siri libat urus bersama pihak berkepentingan seperti Agensi Kerajaan, SUHAKAM, pihak swasta dan Badan Bukan Kerajaan telah dibentangkan dalam mesyuarat tersebut dan jawatankuasa tersebut telah bersetuju untuk menubuhkan tiga (3) Jawatankuasa Teknikal berdasarkan tematik isu Buruh, Alam Sekitar dan Tadbir Urus. Setiap tema ini akan diterajui oleh beberapa kementerian/agensi yang berkaitan yang telah dikenal pasti.

Kerajaan sedang dalam proses mengenal pasti dan melantik ahli-ahli bagi ketiga-tiga Jawatankuasa Teknikal tersebut yang akan terdiri daripada wakil-wakil agensi-agensi yang berkaitan dengan *thematic areas* tersebut serta NGO dan CSO yang berkaitan.

Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu yang dipengerusikan oleh YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen & Undang-Undang) akan diadakan pada bulan Disember 2021 ini. Tujuan mesyuarat ini adalah untuk mengambil maklum perkara-perkara yang telah dilaksanakan oleh Jawatankuasa Teknikal dan saranan-saranan dari pihak berkepentingan yang terlibat. Selain itu, kerajaan juga akan melaksanakan *National Baseline Assessment* (NBA) bagi NAPBHR dan proses pelaksanaan NBA ini akan bermula pada penghujung tahun 2021 atau permulaan tahun 2022.

Sekian, terima kasih.